

## **Tinjauan Buku**

### **Pemetaan Variasi Fonologi dan Leksikal Dialek Hilir Perak**

**Mohamad Firdaus Azharuddin, Shahidi A.Hamid & Rahim Aman**

Bangi: Penerbit UKM, 2020, 177 halaman, ISBN 9789672511755

Di Malaysia terdapat pelbagai dialek Melayu yang sememangnya tidak asing lagi akan kewujudannya dalam kalangan masyarakat terutamanya oleh orang Melayu sendiri. Namun, kepelbagaian dialek Melayu tersebut dikatakan semakin berkurangan kerana fakta bahawa generasi masa kini telah mula sebatu dengan pengucapan ragam standard dan pengabdian dialek tempatan semakin mencair atau luntur. Dengan hal yang demikian, buku ini menunjukkan kepada kita bahawa demi memelihara dialek penutur supaya tidak ketinggalan zaman, maka usaha dan dedikasi penelitian terhadap kajian dialek wajar diteruskan khususnya melalui disiplin ilmu Dialektologi.

Sehingga ke hari ini, kajian bahasa berkisar kepada dua aspek iaitu kajian bahasa secara internal dan juga kajian bahasa secara eksternal. Kajian secara internal adalah kajian bahasa yang merangkumi aspek strukturnya seperti aspek fonologi, morfologi ataupun sintaksis. Manakala, kajian secara eksternal adalah kajian bahasa yang dikaitkan dengan faktor-faktor di luar bahasa tetapi saling berkait rapat dengan pemakaian bahasa oleh para penutur dalam kelompok-kelompok masyarakat seperti disiplin sosiologi, disiplin psikologi dan disiplin antropologi. Selain daripada kemampuan manusia dalam berbahasa, manusia juga mampu menghasilkan bentuk komunikasi yang kedua iaitu dialek. Dalam pengucapan bahasa biasanya terdiri daripada pelbagai variasi yang digelar sebagai dialek. Dialek adalah variasi atau kelainan bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur berdasarkan ruang lingkup geografi yang berbeza. Dialek juga merupakan suatu ragam bahasa yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan dapat dibezakan mengikut penggunaannya. Dialek sering kali digunakan oleh sesuatu komuniti masyarakat tertentu yang tinggal di kawasan terpencil dan jauh daripada kawasan pambandan.

Dalam konteks ini buku *Pemetaan Variasi Fonologi dan Leksikal Dialek Hilir Perak* ini dapat dikategorikan kepada jenis yang pertama iaitu kajian bahasa secara internal yang memerihalkan aspek fonologi dan leksikal sesuatu dialek. Pengkajian dialek dalam buku ini menggunakan pendekatan dialektologi Sinkronik iaitu kajian yang dilakukan terhadap bahasa pada satu masa dalam titik sejarah dan menerangkan apa sahaja unsur yang wujud dalam bahasa itu pada waktu itu dengan tidak dipengaruhi oleh perkembangan bahasa tersebut dari segi sejarah ataupun dari satu bahasa lain (Abdullah, 1974). Buku ini mempunyai ketebalan halaman berjumlah 177 dan ISBN 9789672511755 yang secara khusus membicarakan aspek kajian dialektologi negeri Perak Darul Ridzuan. Sorotan, kupasan dan penelitian yang diungkapkan dalam buku ini adalah bertujuan menyerlahkan kesinambungan, kemampuan, komprehensif dan keunikan dialek Perak dalam konteks bidang Linguistik Melayu. Berdasarkan sepuluh buah daerah negeri Perak, Hulu Perak, Larut Matang dan Semama, Kerian, Kuala Kangsar, Kinta, Kampar, Batang Padang, Perak Tengah, Manjung dan Hilir Perak, buku ini telah mengenengahkan Dialek Hilir Perak sebagai fokus penelitian atas kewajaran dialek Hilir Perak yang dianggap sebagai dialek minoriti, ini masih menunjukkan

keunikan dan keistimewaan yang tersendiri berdasarkan aspek fonologi dan leksikal dialek tersebut.

Kewujudan dan keunikan pelbagai dialek Melayu di Malaysia ternyata telah menjadi mangkin kepada penulis buku ini untuk meneliti tahap penyebaran dialek tersebut. Dalam hal ini, penulis buku ini telah cuba memerihalkan persamaan dan perbezaan bunyi bahasa dalam dialek Hilir Perak yang wujud di antara kampung-kampung yang terdapat di mukim Durian Sebatang. Perbandingan turut dilakukan antara kampung-kampung yang terdapat di mukim tersebut dengan data Bahasa Melayu Standard turut diusahakan. Menerusi kaedah perbandingan data linguistik, aspek pemetaan dan pengelompokan data varian Hilir Perak telah mampu diketengahkan secara berpada dalam buku ini. Penulis buku telah menetapkan kampung mana yang terangkum atau terjerumus ke dalam kelas varian masing-masing dan memberikan huraian linguistik deskriptif secara terperinci berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan aspek linguistik yang menandakan sesuatu varian itu berlainan dengan varian yang lain.

Buku ini membuktikan bahawa kewujudan sesuatu dialek atau subdialek dipengaruhi daripada beberapa faktor. Selain pengaruh faktor sempadan politik dan pentadbiran negeri, buku ini menunjukkan bahawa faktor sempadan geografi juga turut mempengaruhi perbezaan subdialek. Faktor kewujudan pengaruh asing atau dialek pendatang dikatakan turut merupakan sebahagian faktor yang memberi kelainan kepada dialek sesuatu kawasan.

Buku ini berfokus kepada tujuh buah kampung yang dimulakan dengan titik pengamatan di Kampung Sungai Tungku hingga berakhir ke titik pengamatan di Kampung Batak Rabbit. Pemilihan kampung terlibat dalam kajian ini dibuat berdasarkan pertimbangan aspek geografi, sejarah kewujudan kampung serta maklumat penduduk kawasan. Pertimbangan geografi yang dimaksudkan ialah lokasinya yang dianggap penting. Panduan berdasarkan maklumat penduduk setempat diambil kira kerana faktor sejarah tentang penghijrahan dan penyebaran bahasa masyarakat sama ada yang menjadi penduduk asal ataupun dari penghijrahan negara jiran serta penggunaan dialek tuturan harian penduduk.

Buku ini turut menyerlahkan isu mengenai pencampuran dialek. Menurut penulis buku ini, pertembungan antara dialek menyebabkan berlakunya pencampuran dialek asing dengan dialek Perak di sesebuah kawasan. Huraian sebegini adalah penting kerana ia membolehkan kita mengenalpasti pencampuran bentuk pertuturan dialek Kedah dengan dialek Perak yang wujud di kawasan selatan Perak terutamanya di daerah Hilir Perak. Ia juga bertujuan untuk membuktikan keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri varian dialek Perak.

Buku ini menunjukkan kepada kita bahawa pembahagian varian dialek Hilir Perak adalah ditentukan oleh bentuk-bentuk vokal dan konsonan yang hadir dalam kata. Kehadiran vokal dan konsonan akan menentukan persamaan dan perbezaan mengikut kawasan. Walaupun terdapat begitu banyak tumpang tindih dan sukar untuk membuat pembahagian yang benar-benar jelas, namun ciri-ciri linguistik yang paling ketara yang ditonjolkan dalam penerangan di atas masih relevan terhadap pembahagian yang dilakukan.

Hilir Perak dikatakan sedikit sebanyak menerima pengaruh dialek Selangor yang mana pertuturan seakan sama dengan dialek Selangor, Johor, dan Melaka. Namun, sebahagian besar dialek Hilir Perak menerima pengaruh yang kuat daripada dialek asas Perak. Buku ini membuktikan bahawa walaupun pengaruh itu ada, namun berdasarkan penyesuaian daripada penutur tempatan terhadap dialek yang diterima menjadikan dialek Hilir Perak ini sebenarnya mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri yang dapat dilihat daripada ciri-

ciri linguistiknya. Ini terbukti dengan paparan kawasan Ciri A dan Ciri B dalam buku ini yang secara uniknya melambangkan identiti dialek yang sebenarnya bagi Hilir Perak.

Keistimewaan dan keunikan dalam dialek Hilir Perak yang diketengahkan dalam buku ini diserlahkan menerusi huraian sistem vokal, konsonan, diftong, proses perubahan bunyi, dan leksikal yang wujud di setiap kawasan yang diteliti oleh penulis buku. Dialek Hilir Perak dikatakan memiliki sebanyak 8 jenis vokal yang terdiri daripada vokal depan, vokal belakang dan vokal tengah. Vokal depan meliputi vokal /i/, /e/, /ɛ/, dan /a/, manakala vokal belakang meliputi vokal /u/, /o/, /ɔ/. Vokal yang terakhir adalah /ə/ yang merujuk kepada vokal tengah dalam dialek Hilir Perak. Kesemua vokal dilihat berdasarkan penyebaran dan kesejajaran yang berlaku di antara kawasan kajian. Dari segi sistem konsonan pula, dialek Hilir Perak dikatakan mempunyai 21 konsonan, sama sepertimana yang terdapat dalam Bahasa Melayu Standard. Perbezaan antara kedua-duanya hanya terletak pada lingkungan-lingkungan penyebaran yang mungkin ditempati oleh konsonan-konsonan tertentu. Dari segi penyebaran pula, kesemua konsonan dalam dialek Hilir Perak boleh berada pada lingkungan awal kata, dan tengah kata. Akan tetapi hanya 13 konsonan sahaja yang tidak boleh menempati lingkungan akhir kata. Konsonan-konsonan tersebut adalah bunyi konsonan plosif /b, d, k, g/, frikatif /s, z, ʃ/, afrikat /tʃ, dʒ/, lateral /l/, nasal /ŋ/, dan separuh vokal /w, j/. Sebaliknya, konsonan-konsonan yang boleh hadir pada semua lingkungan kata dalam dialek Hilir Perak adalah seperti bunyi konsonan /p, t, h, m, n, ŋ dan r/. Oleh itu, ternyata bahawa terdapat sebanyak 7 jenis bunyi konsonan yang boleh berada pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Manakala, konsonan-konsonan yang tidak boleh hadir pada lingkungan akhir kata dalam dialek Hilir Perak, hanya mampu berada pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Dialek Hilir Perak hanya mempunyai satu jenis diftong sahaja iaitu diftong /oi/ yang wujud pada lingkungan akhir kata sahaja. Diftong /ai/ dan /au/ dikatakan tidak popular dalam pertuturan dialek Hilir Perak. Kebanyakan penuturnya mengucapkan kedua-dua diftong sebagai monoftong /ɛ/ dan /ɔ/. Proses fonologi dalam dialek Hilir Perak turut disentuh oleh penulis buku ini. Perubahan dalam sistem vokal memperlihatkan proses perubahan seperti perluasan vokal, neutralisasi vokal dan penyempitan vokal. Manakala perubahan dalam sistem konsonan yang ketara adalah melibatkan proses perubahan pengvelaran, pelabialan, pengguguran, penyisipan dan penglotisan. Buku ini membuktikan bahawa proses-proses yang telah berlaku adalah sangat menarik serta melambangkan dialek sebenar dialek Hilir Perak, yakni membezakannya dengan dialek-dialek Melayu yang lain.

Buku ini turut menyentuh aspek kepelbagaian jenis leksikal antara kawasan dengan kawasan kampung yang lain, di mukim Durian Sebatang. Senarai leksikal yang dianggap menarik dan unik telah diketengahkan buat tatapan mereka yang ingin memahami dialek Hilir Perak. Di samping itu, pengelompokan leksikal dilakukan mengikut kawasan-kawasan yang diteliti tahap penyebaran dan kesejajarannya. Dengan hal demikian maka buku ini telah memaparkan sebuah atlas dialek, yang mana dapat memberi gambaran atau keadaan sebenar pertuturan oleh penutur dikawasan kajian.

Pada dasarnya, kerancangan penyelidikan aspek kepelbagaian dialek di seluruh negara Malaysia, telah melahirkan ramai tokoh-tokoh linguistik di seluruh pelosok negeri terutamanya tokoh-tokoh yang mengkaji dialek Perak. Memandangkan negeri Perak merupakan sebuah kawasan yang menempatkan banyak dialek yang tersendiri maka ia pastilah telah melahirkan keinginan tokoh-tokoh peneliti dialek untuk mengkaji dengan lebih mendalam akan kepelbagaian dialek yang terdapat di negeri Perak. Meskipun begitu, kebanyakan peneliti terdahulu yang mengkaji dialek Perak hanya tertumpu kepada pendeskripsian aspek linguistik tertentu sahaja. Sebaliknya, buku ini telah menzahirkan hakikat bahawa kajian terhadap dialek

Perak di selatan perlu dikaji dan dilihat semula ciri-ciri keistimewaan yang terdapat dalam dialek tersebut baik dari aspek fonologi dan leksikal yang dilihat berdasarkan perspektif bidang dialektologi.

Buku ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca tentang keistimewaan varian Hilir Perak berdasarkan ciri-ciri fonologi dan leksikalnya. Di samping memerihalkan secara terperinci aspek inventori dialek Perak, buku ini juga turut mempamerkan lakaran pemetaan dan pengelompokan, contoh, jadual, dan lampiran yang mana mampu menjadi daya tarikan kepada pembaca khususnya para penyelidik dialek Melayu.

Data yang dipaparkan dalam buku ini mampu membantu ahli akademik bahasa yang mengkaji tentang rekonstruksi dialek Melayu dalam bidang ilmu linguistik bandingan. Usaha ini, setidak-tidaknya membantu penelitian salasilah asal usul sesuatu bahasa atau kekerabatan bahasa dalam kelompok varian bahasa Melayu. Hakikatnya, masyarakat perlu mengetahui akan kepentingan dalam memahami sejarah asal usul dialek mereka dengan lebih mendalam dan seterusnya meluaskan pengetahuan masyarakat baik generasi tua ataupun muda dengan memenuhi pengkajian tentang dialek.

Maklumat yang disajikan dalam buku ini juga berguna dalam bidang kajian fonetik akustik khususnya dalam usaha memperjelaskan tentang kekeliruan dalam penyebutan yang sebenar, terutamanya untuk membezakan realisasi kontras penyuaran jenis-jenis bunyi. Di samping itu, buku ini juga bermanfaat dalam bidang linguistik sejarah. Hal ini demikian kerana, bidang linguistik sejarah adalah bidang dialektologi yang bersifat historis dan turut merupakan kelangsungan daripada bidang dialektologi sinkronik yang bersifat deskriptif. Bidang linguistik sejarah juga amat mementingkan matlamat klasifikasi dan pencarian fonem purba.

Seterusnya, diharapkan buku ini mampu menjadi sumber rujukan dan pegangan kepada pengkaji pada masa akan datang untuk mengkaji varian ini dengan lebih mendalam. Kajian dialektologi Melayu harus diteruskan oleh generasi pengkaji lain agar khazanah pengkajian dialek tetap menjadi teras sebagai kajian yang terulung di negara kita dan setaraf dengan kajian linguistik di luar negara

Buku ini mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri, yang mana dapat memberikan implikasi penting kepada bidang kajian tentang dialektologi geografi terutamanya dalam bidang kajian bahasa Melayu. Hal ini sangat penting kerana kajian yang sedia ada atau kosa ilmu terutamanya yang berkaitan dengan bidang kajian dialektologi geografi, memberi impak yang besar dalam bidang pengkajian dialek dan linguistik Melayu. Oleh hal yang demikian, dengan bertambahnya buku seperti ini maka kajian dialektologi Melayu akan dapat diperkasakan. Buku ini merupakan bahan rujukan tambahan yang amat berharga kepada khazanah tulisan sedia ada tentang dialektologi Melayu. Buku ini turut memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk meneruskan kajian dalam bidang dialektologi pada masa akan datang khususnya yang melibatkan pengaplikasian perisian *Geographic Information System (GIS)*. Perisian khusus GIS dapat diintegrasikan ke dalam kajian dialek bagi membantu menghasilkan isoglos secara sistematik dan saintifik yang dapat menambah baik kajian dialek Melayu dengan lebih sempurna dan menarik.

Maslida Yusof  
Kluster Melayu Polinesia  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia  
[maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my)